

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS ■**

JUDUL : MAKLUMBALAS GURU PELATIH TAHUN 5 SPF FAKULTI  
PENDIDIKAN UTM TERHADAP PENGGUNAAN KAEDAH  
KOPERATIF DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN  
MATAPELAJARAN FIZIK KBSM.

SESI PENGAJIAN : 2005 / 2006

SAYA : FATHIYAH BINTIMORAD  
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis ( PSM / ~~Sarjana/ Doktor Falsafah~~ )\* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\*Sila tandakan ( ✓ )

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

\_\_\_\_\_  
( TANDATANGAN PENULIS )

Alamat Tetap :  
NO F1, QRTS JKR ( AIR )  
06300, KUALA NERANG  
KEDAH

Tarikh : 28 APRIL 2006 .

\_\_\_\_\_  
(TANDATANGAN PENYELIA)

DR BAHARIN BIN ABU  
( NAMA PENYELIA )

Tarikh: \_\_\_\_\_

**CATATAN : \***

\*\*

Potong yang tidak berkenaan

Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

■

Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan ( Fizik )”

Tandatangan :.....

Nama penyelia: DR BAHARIN BIN ABU

Tarikh :

**MAKLUMBALAS GURU PELATIH 5SPF UTM TERHADAP PENGGUNAAN  
KAEDAH KOPERATIF DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN  
MATAPELAJARAN FIZIK KBSM**

**FATHIYAH BINTI MORAD**

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan ( Fizik )

Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2006

“Saya akui karya adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang  
tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”

Tandatangan : .....

Nama Penulis : FATHIYAH BINTI MORAD

Tarikh :

## *D*edikasi

*Teristimewa buat mak abah , mak ayah ( ibu bapa mertua ), adik-adik yang dirindui; Farihah, Faizah dan Fahmi serta seluruh keluarga yang disayangi yang telah banyak berkorban demi melihat aku berjaya. Terima kasih yang tak terhingga untuk segalanya.*

*Karya ini didedikasikan khas buat suami yang dicintai, Khairil Anuar b Ramlil@Mansor di atas kesanggupan, doa dan restu untuk aku teruskan perjuangan di menara gading demi masa depan kita.*

*Buat semua teman seperjuangan dan para pensyarah yang banyak membantu. Persahabatan kita adalah suatu yang paling manis dan tidak aku lupakan. Ilmu yang dicurahkan akan ku aplikasikan sebaik mungkin demi melahirkan anak watan yang gemilang dan disegani.*

*Semoga kecemerlangan milik kita.*

## PENGHARGAAN

Bismillah Hirrahma Nirrahim...

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Di kesempatan ini saya ingin mengucap syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dan izin-Nya saya dapat menyempurnakan Projek Sarjana Muda ini pada masa yang ditetapkan.

Jutaan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia Projek Sarjana Muda iaitu Dr Baharin bin Abu atas bimbingan, tunjuk ajar serta galakan yang diberikan sepanjang tempoh menyempurnakan projek tahun akhir ini. Huluran bantuan dan sokongan yang diberikan akan saya kenang dan hargai sepanjang hayat saya.

Tidak dilupakan, penghargaan diberikan kepada semua pihak yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Projek Sarjana Muda ini

Jasa kalian tidak terbalas, hanya Allah s.w.t jua yang dapat membalas dan memberkatinya.

*Ikhtilas daripada,*

*Fathiyah bt Morad*

2006

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas guru pelatih 5 SPF UTM terhadap penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif dalam matapelajaran Fizik KBSM. 3 aspek yang dikaji dalam kajian ini meliputi pandangan guru pelatih terhadap kaedah koperatif, kecenderungan dan keyakinan untuk melaksanakannya, pengetahuan dan kefahaman tentang teknik pengajaran kaedah koperatif dan masalah yang dihadapi oleh guru pelatih. Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach yang diperolehi dari kajian rintis ialah 0.82. Kajian dijalankan menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada 30 orang guru pelatih 5SPF di Fakulti Pendidikan UTM. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS 13.0 bagi mendapatkan nilai min, peratusan dan kekerapan. Hasil kajian mendapati, guru pelatih berpandangan positif untuk melaksanakan dan mengaplikasikan kaedah koperatif dalam matapelajaran Fizik. Mereka juga mempunyai tahap pengetahuan dan kefahaman yang tinggi tentang kaedah pembelajaran koperatif malah mereka cenderung dan yakin untuk melaksanakan kaedah pengajaran kopeatif dalam matapelajaran Fizik di sekolah. Beberapa cadangan telah dikemukakan untuk tindakan dan sebagai kajian lanjutan.

## **ABSTRACT**

The purpose of this study is to obtain 5 SPF UTM students' feedback on cooperative learning method in teaching and learning in KBSM Physics subject. There are four objectives to be achieved. First, to evaluate trainee teachers views on the implementation of cooperative learning in KBSM Physics subject. Secondly, to look at teachers' trainee field of interest and their confidence to choose and apply this learning method in Physics class. Thirdly, to evaluate their knowledge and understanding on cooperative learning method and lastly, to know the problems that their faced in applying cooperative learning method in classroom. 30 respondents from 5SPF were used as samples and a set of questionnaire was employed to collect data. The SPSS version 13.0 were used to analyze the data to attain means, percentages and frequencies. Results from the research show that trainee have positively view on the implementation of cooperative learning in Physics. They also have a strong knowledge and understanding on cooperative learning concepts and they have positively confident and interest to apply this learning method in Physic class at school. A number of suggestions for this research are proposed at the end of this thesis for actions and future research.

## **KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKASURAT</b>
	<b>JUDUL</b>	<b>ii</b>
	<b>PERAKUAN</b>	<b>iii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>v</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>vi</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>vii</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>viii</b>
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	4
	1.3 Pernyataan Masalah	7
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Persoalan Kajian	9
	1.6 Kepentingan Kajian	10
	1.7 Batasan Kajian	11
	1.8 Definisi Istilah	12
	1.9 Rumusan Dan Operasi Laporan	14
<b>BAB 2</b>	<b>Sorotan Kajian</b>	
	2.1 Pengenalan	15
	2.2 Konsep Pembelajaran Koperatif	16
	2.3 Ciri Asas Pembelajaran Koperatif	19
	2.3.1 Saling Bergantungan Antara Satu Sama Lain Secara Positif	19
	2.3.2 Saling Berinteraksi Secara Bersemuka	20
	2.3.3 Akauntibiliti Individu Dan Kumpulan	21

2.3.4	Kemahiran Interpersonal Dan Kumpulan Kecil	21
2.3.5	Pemprosesan Kumpulan	22
2.4	Peranan Guru Dalam Pengajaran-Pembelajaran Koperatif	22
2.5	Peranan Pelajar Dalam Pengajaran-Pembelajaran Koperatif	23
2.6	Jenis-Jenis Pembelajaran Koperatif	24
2.6.1	Kaedah Cantuman ( <i>Jigsaw</i> )	24
2.6.2	Kaedah Perbandingan Permainan Berpasukan ( TGT )	28
2.6.3	Kaedah Pembahagian Pencapaian Kumpulan Pelajar ( STAD )	28
2.6.4	Kaedah Team Assisted Individualization ( TAI )	29
2.6.5	Kaedah Pembelajaran Berkumpulan	30
2.6.6	Kaedah Meja Bulat	30
2.7	Manfaat Pembelajaran Koperatif Kepada Pelajar	31
2.7.1	Memahami Sesuatu Maklumat, Konsep Dan Prinsip Dengan Lebih Baik Dan Lebih Berkesan	32
2.7.2	Mengembangkan Kemahiran Intelek Disamping Memupuk Dan Membentuk Nilai Murni Dalam Diri.	32
2.7.3	Melatih Dan Mengembangkan Potensi Dan Kreativiti Mereka Secara Inovatif, Kritis Dan Analitis.	34
2.7.4	Mengembangkan Kemahiran Sosial Dan Sikap Toleransi Serta Sikap Bekerjasama	35

2.8	Perbezaan Antara Pembelajaran Koperatif Dengan Pembelajaran Tradisional	36
2.9	Persamaan Dan Perbezaan Antara Pembelajaran Koperatif Dan Pembelajaran Kolaboratif	37
2.10	Pengaruh Pengetahuan Terhadap Kreativiti Guru	39
2.11	Peranan Sikap Dalam Membentuk Minat Serta Kecenderungan Guru.	41
2.12	Penutup	42
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pengenalan	43
3.2	Rekabentuk Kajian	44
3.3	Populasi Kajian	44
3.4	Instrumen Kajian	45
3.5	Prosedur Dan Pengumpulan Data	48
3.6	Analisis Data	48
3.7	Kajian Rintis	50
3.8	Kesimpulan	51
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pengenalan	52
4.2	Penganalisaan Bahagian A	53
4.2.1	Bangsa Dan Jantina	54
4.2.2	Perancangan Dan Pelaksanaan Pembelajaran Koperatif	55
4.3	Penganalisaan Bahagian B	56
4.3.1	Analisis Persoalan Kajian 1	57
4.3.2	Analisis Persoalan Kajian 2	60
4.3.3	Analisis Persoalan Kajian 3	64
4.3.4	Analisis Persoalan Kajian 4	70
4.4	Rumusan Analisis Data	72

<b>BAB 5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	74
5.2	Rumusan Dan Perbincangan	75
5.2.1	Pandangan Terhadap Penggunaan Dan Perlaksanaan Kaedah Koperatif	75
5.2.2	Kecenderungan Pemilihan	76
5.2.3	Tahap Pengetahuan Dan Kefahaman	77
5.2.4	Masalah Perlaksanaan Pembelajaran Koperatif	80
5.3	Cadangan	81
5.3.1	Cadangan Dan Saranan Kepada Guru Pelatih	82
5.3.2	Cadangan Dan Saranan Kepada Institusi Pendidikan	83
5.3.3	Cadangan Kajian Lanjutan	83
5.4	Kesimpulan	84
	<b>RUJUKAN</b>	86
	<b>LAMPIRAN A</b>	90

## SENARAI JADUAL

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
2.1	Jadual kemahiran dan peranan sosial	17
2.2	Perbandingan pembelajaran koperatif dengan pembelajaran tradisional	36
2.3	Persamaan antara pembelajaran koperatif dengan pembelajaran kolaboratif	38
2.4	Perbezaan umum antara pembelajaran koperatif dengan pembelajaran kolaboratif	38
3.1	Tahap penilaian kajian berdasarkan min	49
3.2	Tahap penilaian responden berdasarkan min	49
4.1	Taburan responden mengikut bangsa dan jantina	54
4.2	Jadual silang perkaitan bangsa dengan perancangan dan pelaksanaan kaedah koperatif	55
4.3	Jadual silang perkaitan jantina dengan perancangan dan pelaksanaan kaedah koperatif	55
4.4	Analisis persoalan kajian 1	57
4.5	Analisis persoalan kajian 2	60
4.6	Analisis persoalan kajian 3	65
4.7	Masalah-masalah melaksanakan pembelajaran koperatif	71

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Falsafah Pendidikan Kebangsaan, FPK ( 1998 ) bermatlamat untuk membentuk individu masyarakat yang seimbang dari segi sahsiah, intelektual dan jasmani. Justeru, pendidikan di Malaysia adalah penting untuk membentuk rakyat yang intelek dan berdaya saing menuju Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara industri yang moden dan maju. FPK menjelaskan,

*“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan Negara”*

Malaysia dijangka berkembang pesat pada tahun 2020. Oleh itu, persediaan perlu dibuat ke atas pembangunan sumber manusia di samping pembangunan prasarana. Tanggungjawab bagi pembangunan sumber manusia peringkat pertama telah diamanahkan kepada institusi-institusi pendidikan negara untuk melaksanakannya.

Oleh itu, wajarlah pihak-pihak yang terlibat dalam sektor pendidikan di negara ini menggembeng tenaga, idea dan usaha untuk mencapai matlamat tersebut. Bagi tujuan ini, bakal-bakal guru perlu diperlengkapkan dengan pelbagai pengetahuan yang cukup untuk menjayakannya. Menurut Ee Ah Meng ( 1990 ) proses pengajaran merangkumi pelbagai perkara dan fungsi yang saling berkaitan dan hendaklah bertindak secara bersama agar mencapai kejayaan. Sekiranya satu atau beberapa fungsi tersebut tidak dikawal, kejayaan yang diharapkan dalam pengajaran-pembelajaran akan terjejas. Pengajaran yang menarik serta berkesan merupakan pengajaran yang boleh membentuk konsep dan taakulan yang positif terhadap murid.

Guru perlu mempunyai pengetahuan yang luas tentang asas pedagogi supaya pelbagai pendekatan serta kaedah pengajaran dapat diaplikasikan untuk menyampaikan isi pelajaran dengan berkesan. Pemilihan kaedah yang tepat akan menjamin kelicinan serta keberkesanan dalam penyampaian isi pelajaran. Strategi pengajaran yang sesuai bukan sahaja dapat meningkatkan mutu penyampaian guru malah ia akan memberi makna terhadap pelajaran yang diajar serta memberi pengalaman yang merangsang minat murid ( Ee Ah Meng, 1990 ). Dengan adanya pengetahuan yang luas terhadap kepelbagaian kaedah serta pendekatan dalam menyampaikan isi pelajaran, guru-guru pelatih bukan sahaja merasa pasti dengan peranan mereka dalam bidang pendidikan, malah lebih berkeyakinan untuk mempraktikkannya.

Namun begitu, mengetahui peranan sahaja tidak mencukupi untuk menjadi seorang pendidik yang efektif. Adalah penting bagi seorang pendidik membentuk

sikap yang positif terhadap kaedah-kaedah pengajaran yang diajar. Menurut Ee Ah Meng ( 1990 ), kaedah pengajaran tentang sikap dan nilai mempengaruhi sikap seseorang individu. Sekiranya individu itu bersikap positif terhadap sesuatu , individu lain akan menyokongnya. Pemupukkan sikap positif terhadap kaedah pengajaran yang berkesan adalah penting untuk menarik minat guru-guru untuk mempraktikkan kaedah ini di dalam kelas.

Menyedari kepentingan pengetahuan terhadap penggunaan kaedah pengajaran-pembelajaran , Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan matapelajaran Asas Pedagogi dan Pengajaran Mikro sebagai matapelajaran wajib lulus bagi mendapat sijil, diploma atau ijazah perguruan di institusi-institusi pengajian tinggi. Justeru, Fakulti Pendidikan UTM telah mengambil inisiatif dengan meletakkan syarat wajib lulus kepada pelajar-pelajar yang mengikuti program ijazah perguruan bagi matapelajaran Asas Pedagogi dan Pengajaran Mikro. Dalam matapelajaran Asas Pedagogi, bakal-bakal guru UTM didedahkan dengan pelbagai pendekatan serta kaedah pengajaran demi menjadikan penyampaian isi pelajaran satu-satu pelajaran itu berkesan dan menyeronokkan. Langkah-langkah pelaksanaan pengajaran serta modul turut disertakan untuk kemudahan guru pelatih. Peluang untuk mempraktikkan pengetahuan serta kemahiran mengenai kaedah pengajaran yang telah dipelajari dalam Asas Pedagogi diaplikasikan dalam Pengajaran Mikro yang mana ia dijalankan dalam situasi pengajaran sebenar.

Pelbagai pendekatan dan kaedah pengajaran dilaksanakan oleh guru demi menjadikan suatu pengajaran itu berlangsung dengan berkesan. Salah satu nilai murni yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan ( FPK ) adalah semangat kerjasama. Konsep kerjasama ini diterapkan melalui satu pendekatan pembelajaran koperatif yang mana pelajar-pelajarnya akan bekerjasama dalam satu kumpulan untuk mencapai matlamat pembelajaran yang sama.

Kaedah pembelajaran koperatif di dapati amat sesuai dan berpotensi besar ke arah merealisasikan matlamat FPK serta objektif KBSR dan KBSM. Dalam usaha mencapai matlamat negara untuk mengintegrasikan bangsa Malaysia, pembelajaran koperatif dirasakan satu pendekatan inovasi yang amat sesuai dalam pendidikan di Malaysia. Justeru, strategi pengajaran dan pembelajaran perlulah disusun dan direncanakan bagi meningkatkan keupayaan pelajar dalam menanam keyakinan mereka terhadap matapelajaran sains terutamanya Fizik.

Kajian ini membincangkan dengan telus dan jelas tentang maklumbalas bakal-bakal guru yakni guru-guru pelatih UTM di Fakulti Pendidikan terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif sebagai salah satu daripada strategi pengajaran yang digunakan untuk memberi kesan pembelajaran yang jitu kepada pelajar.

## **1.2 Latar belakang kajian**

Dari beberapa kajian yang telah dijalankan oleh beberapa penyelidikan tentang masalah-masalah yang timbul dalam merancang strategi seterusnya melaksanakan strategi melalui pendekatan pengajaran-pembelajaran, ternyata terdapat beberapa kepincangan dalam perlaksanaan kurikulum matapelajaran-matapelajaran Sains di sekolah khususnya matapelajaran Fizik.

Pendekatan dan kaedah pengajaran-pembelajaran boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah supaya minat pelajar terhadap matapelajaran-matapelajaran Sains terutamanya Fizik meningkat.

Terdapat banyak kajian yang menunjukkan beberapa faktor kepincangan dan kegagalan dalam pelaksanaan kurikulum Sains antaranya adalah sikap guru yang kurang yakin dan tidak cekap untuk mengaplikasi dan melaksanakan kaedah-kaedah pembelajaran aktif seperti kaedah pembelajaran koperatif.

Dalam menentukan kaedah pembelajaran-pengajaran yang seharusnya berdasarkan kandungan kurikulum; kebolehan, kepelbagaian kecerdasan pelajar, sumber dan prasarana yang ada, seharusnya mendorong guru untuk memainkan peranan yang lebih telus dan berkesan sebagai pakar rujuk, penyampai pengetahuan dan fasilitator kepada pelajar. Guru perlu bersikap lebih prihatin terhadap keperluan, kehendak dan kepelbagaian tahap kecerdasan pelajar-pelajarnya supaya strategi dan langkah dalam pendekatan pengajaran-pembelajaran dapat dirancang dengan baik dan aktiviti yang dilaksanakan memupuk minat pelajar terhadap apa yang disampaikan. Menurut Slavin ( 1990 ), keberkesanan kaedah pembelajaran koperatif diukur melalui peningkatan pencapaian yang signifikan di kalangan pelajar pelbagai kecerdasan.

Pembelajaran koperatif bermatlamat mewujudkan satu suasana yang harmoni dan bekerjasama di kalangan pelajar semasa berlakunya proses pembelajaran-pengajaran serta memberi peluang dan ruang kepada mereka untuk mencetus dan menzahirkan idea serta pandangan mengenai persoalan dan topik pembelajaran yang ingin diselesaikan melalui perbincangan dalam kumpulan dalam usaha mereka mendapatkan maklumat.

Dalam pembelajaran aktif seperti pembelajaran koperatif, guru seharusnya memainkan peranan yang minima yakni sebagai instruktur dan perancang aktiviti kerja dalam kumpulan. Interaksi antara guru-murid adalah perlu bagi mengesan sebarang masalah yang mungkin timbul disamping menilai keupayaan pelajar-pelajarnya. Oleh itu, setiap guru perlu memenuhkan ilmu pengetahuan di dada serta mempunyai minat untuk mengaplikasikan kaedah pembelajaran aktif seperti ini dalam proses pengajarannya.

Pelbagai seminar dan bengkel tentang pengajaran dan pembelajaran koperatif telah diperkenalkan dan dilaksanakan oleh institusi-institusi perguruan dan pengajian tinggi dengan harapan ia memberi pendedahan kepada guru-guru pelatih demi melaksanakannya diperingkat sekolah kelak.

Namun begitu, guru-guru pelatih lebih cenderung untuk menggunakan pendekatan dan strategi pengajaran tradisi sedangkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah ( KBSM ) yang diwujudkan pada tahun 1989 telah mencadangkan dan menggariskan beberapa pendekatan pengajaran yang lebih berpusatkan pelajar dan pembelajaran aktif bertujuan membantu meningkatkan kefahaman pelajar terhadap matapelajaran Sains terutamanya Fizik.

Berpandukan kajian yang telah dibuat oleh Giacchino ( 1998 ) yang telah mengkaji tentang penggunaan pembelajaran koperatif di Kolej Universiti Tun Hussien Onn ( KUiTTHO ) mendapati kegagalan perlaksanaannya berlaku bukanlah disebabkan oleh pelajar dan sikapnya tetapi disebabkan oleh keengganan pensyarah yang kurang gemar menggunakan pendekatan pengajaran-pembelajaran koperatif kerana mereka menganggap pendekatan ini sebagai suatu yang remeh dan memerlukan masa yang panjang untuk merancang pengajaran.

Lazarowitz ( 1992 ) menyatakan bahawa perubahan corak pengajaran akan mewujudkan satu tekanan terhadap guru dan menganggap ia sebagai suatu beban yang menyusahkan. Dari alasan inilah, guru-guru tidak akan berusaha untuk mencuba dan mengaplikasikan kaedah pengajaran yang lebih baik biarpun ia telah membuktikan keberkesanannya kepada para pelajar.

Melalui situasi ini telah timbul satu persoalan yang mendorong penyelidik untuk mengkaji dan mendapatkan maklumbalas guru-guru pelatih 5SPF UTM terhadap kaedah pengajaran-pembelajaran koperatif dalam matapelajaran Fizik.

### 1.3 Pernyataan masalah

Berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah dibuat jelas menunjukkan bahawa pelajar tidak berminat untuk mempelajari matapelajaran Fizik disebabkan oleh pendekatan dan kaedah pengajaran guru yang membosankan dan tidak mendorong pencetusan idea pelajar terhadap topik yang diajar. Oleh itu, guru perlu mengambil inisiatif dengan menggunakan pendekatan dan kaedah pengajaran yang memberi perhatian dan tumpuan kepada pembentukan minat dan sikap positif serta potensi yang ada dalam diri pelajar. Ini merupakan unsur utama dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pelajar-pelajar hendaklah sentiasa didorong dan dirangsang sehingga mereka menyedari akan kebolehan-kebolehan yang ada dalam diri mereka.

Menurut cadangan Pusat Perkembangan Kurikulum, PPK ( 1993 ), kaedah pembelajaran sains sekolah adalah meliputi perkara-perkara berikut:

- i. Pembelajaran menerusi pengalaman dan relevan kepada kehidupan seharian pelajar.
- ii. Pendekatan inkuiri
- iii. Perkembangan kemahiran saintifik dan kemahiran berfikir
- iv. Penyelidikan dan penyelesaian masalah
- v. Aplikasi prinsip dan konsep sains
- vi. Penerapan sikap saintifik dan nilai murni

Proses pengajaran-pembelajaran seharusnya dilaksanakan dengan memberikan penekanan terhadap kefahaman pelajar. Tetapi senario hari ini menyaksikan pendekatan kaedah dan strategi pengajaran guru yang lebih mementingkan isi pelajaran dan fakta-fakta yang terkandung dalam buku teks. Ini menyebabkan guru cenderung untuk menyampaikan pelajaran secara penyampaian kuliah seterusnya menyebabkan golongan ini merasa tertekan kerana kawalan kelas yang besar.

Faktor ceteknya pengetahuan tentang kaedah pengajaran aktif juga menyebabkan guru lebih gemar menggunakan kaedah dan pendekatan pengajaran tradisional yang lebih berpusatkan kepada guru. Guru itu sendiri telah beranggapan bahawa pelajar-pelajarnya tidak mempunyai pengetahuan sedia ada malah pelajar tidak diterapkan dengan asas kemahiran berfikir. Sedangkan, segala ilmu dan asas pedagogi telah didedahkan ketika mereka di institusi-institusi perguruan. Walaupun sesetengah guru menyedari kepentingan dan keberkesanan kaedah pengajaran-pembelajaran koperatif, mereka masih tidak mengaplikasikannya atas alasan terdapat masalah seperti kekangan masa ( Wan Mohd Hatta, 1999 ).

Justeru itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas guru-guru pelatih 5 SPF terhadap kaedah pengajaran-pembelajaran koperatif dalam matapelajaran Fizik dari segi kefahaman dan pengetahuan tentang teknik-teknik dalam kaedah koperatif juga melihat kecenderungan mereka untuk memilih dan melaksanakan pembelajaran aktif ini

#### **1.4 Objektif Kajian**

Terdapat 4 objektif utama yang ingin dicapai dalam kajian ini iaitu:

1. menilai pandangan guru-guru pelatih tahun 5 SPF Fakulti Pendidikan UTM terhadap penggunaan kaedah pengajaran-pembelajaran koperatif dalam matapelajaran Fizik KBSM.
2. melihat kecenderungan dan keyakinan guru pelatih tahun 5 SPF Fakulti Pendidikan UTM melaksanakan kaedah pengajaran-pembelajaran koperatif dalam kelas Fizik di sekolah.

3. mengukur tahap kefahaman dan pengetahuan guru-guru pelatih tahun 5 SPF Fakulti Pendidikan UTM terhadap kaedah pengajaran-pembelajaran secara koperatif.
4. menentukan masalah yang timbul dalam menggunakan kaedah pengajaran-pembelajaran koperatif.

### **1.5 Persoalan Kajian**

Persoalan kajian ini adalah merangkumi perkara-perkara berikut:

1. Apakah penilaian guru-guru pelatih tahun 5 SPF Fakulti Pendidikan UTM terhadap kaedah pengajaran-pembelajaran koperatif dalam matapelajaran Fizik ?
2. Adakah guru pelatih 5 SPF Fakulti Pendidikan UTM cenderung untuk memilih dan melaksanakan kaedah pengajaran-pembelajaran koperatif dalam kelas Fizik di sekolah ?
3. Apakah tahap pengetahuan dan kefahaman guru pelatih 5 SPF terhadap kaedah pengajaran-pembelajaran secara koperatif ?
4. Apakah masalah yang timbul dalam pelaksanaan kaedah pengajaran-pembelajaran koperatif ?